

SOALAN LAZIM PENILAIAN SEMULA DAN CUKAI TAKSIRAN

01

Perluakah saya membayar cukai taksiran bagi rumah yang kosong?

Ya, cukai taksiran perlu dibayar ke atas semua pegangan sama ada diduduki atau tidak.

02

Saya memiliki sekeping tanah yang kosong di mana saya tidak mendapat hasil, adakah saya perlu bayar cukai taksiran?

Ya, tanah kosong yang bermilik tidak dikecualikan daripada cukai taksiran.

03

Saya telah membeli kondominium daripada pemaju dan baru menerima kunci rumah. Kenapa cukai taksiran saya berbeza dari bil sebelum ini?

Bil cukai taksiran sebelum ini dikenakan ke atas tanah kosong (tanpa bangunan) dan apabila bangunan kondominium siap , pihak MBPJ telah meminda nilai tahunan dari pada tanah kosong ke kondominium

04

Bolehkah saya membantah jika tidak puashati dengan nilai tahunan yang dikenakan?

Apabila anda menerima notis kenyataan pindaan nilai tahunan, (S144) anda boleh mengemukakan alasan-alasan bantahan secara bertulis dalam tempoh masa seperti ditetapkan dalam notis.

SOALAN LAZIM PENILAIAN SEMULA DAN CUKAI TAKSIRAN

05

Apa perlu saya buat dengan Borang Penyata Pemunya/ Penduduk?

Anda perlu mengisinya dengan betul dan lengkap dalam tempoh 2 minggu dari tarikh diterima. Anda boleh didenda sehingga RM 2,000 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya, jika anda enggan mengisinya atau memberi maklumat palsu.

06

Sekiranya saya melaksanakan pengubahsuaian ke atas rumah saya adakah cukai taksiran akan naik?

Kiraan Nilai Tahunan adalah berdasarkan pada keluasan dan kegunaan bangunan anda. Jika anda telah ubah suai rumah dengan menambahkan keluasan bangunan, pihak Majlis akan meminda nilai tahunan pegangan anda selaras dengan penambahan keluasan dan kegunaan bangunan.

07

Adakah konsesi diberi jika sesebuah rumah tersebut diduduki oleh pemunya sendiri?

Tidak. Tidak ada sebarang peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang membolehkan Majlis memberi konsesi atas bayaran cukai taksiran bagi rumah yang diduduki sendiri.

SOALAN LAZIM PENILAIAN SEMULA DAN CUKAI TAKSIRAN

08

Apakah yang dimaksudkan dengan Penilaian Semula Cukai Taksiran?

Penilaian Semula Cukai Taksiran merupakan proses penyediaan Senarai Nilai Baharu bagi menggantikan Senarai Nilai sedia ada. Hartanah dinilai semula dengan mengambil kira Aras Nilai pada tahun penilaian yang dibuat.

09

Mengapa Majlis perlu melaksanakan Penilaian Semula Cukai Taksiran?

Penilaian Semula Cukai Taksiran perlu dilaksanakan untuk mengimbangi kos perbelanjaan pengurusan dan perkhidmatan seiring dengan hasil cukai taksiran. Pada masa kini, cukai taksiran adalah berdasarkan Aras Nilai tahun 1992 akan tetapi kos perlu ditanggung pihak Majlis adalah terkini.

SOALAN LAZIM PENILAIAN SEMULA DAN CUKAI TAKSIRAN

10

Bagaimanakah kutipan hasil Cukai Taksiran dibelanjakan oleh Majlis?

Hasil cukai yang dikutip akan dikembalikan kepada orang awam dalam bentuk perkhidmatan seperti berikut:

- ❖ Kutipan sampah;
- ❖ Pembersihan longkang dan saliran;
- ❖ Penyeliaan lampu jalan terutama di taman perumahan;
- ❖ Pembinaan parit;
- ❖ Pembinaan pasar awam, gerai, kompleks sukan, stadium, kawasan rekreasi & sebagainya;
- ❖ Pengurusan jalan/lalulintas;
- ❖ Menyediakan kawalan perkhidmatan dan kesihatan perbandaran;
- ❖ Penyelenggaraan landskap dan pengindahan bandar;
- ❖ Menyedia dan menyelenggara kemudahan awam;
- ❖ Mengawal kacau ganggu dan hidupan liar;
- ❖ Mengawal aktiviti perniagaan;
- ❖ Penguatkuasaan perundangan perbandaran;
- ❖ Membangun sosial ekonomi bandar;
- ❖ Lain-lain perkhidmatan yang berkaitan

SOALAN LAZIM PENILAIAN SEMULA DAN CUKAI TAKSIRAN

11

Rumah saya tidak diduduki dan sepatutnya dikecualikan Cukai Taksiran oleh Majlis?

Seksyen 134 Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah memperuntukkan bahawa Cukai Taksiran hanya boleh dikecualikan apabila sesuatu pegangan atau mana-mana bahagiannya digunakan semata – mata:

- Sebagai tempat awam untuk sembahyang;
- Sebagai tanah perkuburan atau krematorium awam yang berlesen;
- Bagi sekolah awam;
- Sebagai tempat awam bagi maksud khairat atau bagi maksud sains, sastera atau seni halus

12

Bilakah Cukai Taksiran Baharu mula berkuat kuasa.

Cukai Taksiran Baru akan berkuat kuasa mengikut ketentuan Pihak Berkuasa Negeri Selangor.



**Untuk sebarang pertanyaan, sila hadir ke Jabatan
Penilaian Dan Pengurusan Harta, Tingkat 11,
Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya
atau hubungi kami di talian 03-79545984/86 atau
email: jpph@mbpj.gov.my**
